



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**PERATURAN 38 (B)**

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN PEGAWAI DAN  
KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN / JABATAN  
DIMANA KEKOSONGAN JAWATAN DIIKLANKAN SAHAJA.**

**PENGUASA PENJARA (P.9)  
JABATAN PENJARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN : 01 MAC 2025  
TARIKH TUTUP IKLAN: 15 MAC 2025  
BILANGAN IKLAN: 2025/FEB/03/KHDN**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Penjara**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat KELAYAKAN MINIMUM akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGUASA PENJARA  
JABATAN PENJARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
P.9 (\$2,330 - \$2,860 EB KHAS \$2,965 - \$3,385 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Business / Law and Social Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang Kepenjaraan adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Business / Law and Social Science* atau bidang bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Penjara sebagai Penolong Penguasa Penjara atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji P.8 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai Lesen Memandu kelas tiga (03) yang sah (tidak mansuh).
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjalankan tugas-tugas yang ditentukan dalam Akta / Peraturan Jabatan Penjara (Penggal 51). Akta Penyalahgunaan Dadah (Penggal 27), Akta Bahan-Bahan Yang Menghayalkan (Penggal 161) dan Undang-Undang lain bertulis yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
2. Mengetuai dan menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran di satu-satu Bahagian utama Jabatan Penjara sebagaimana yang diaturkan oleh Pengarah Penjara dari semasa ke semasa;



3. Membantu Pengarah Penjara melaksanakan dasar, keputusan, perancangan pembangunan dan projek-projek di Bahagian masing-masing;
4. Menyediakan dan menyusun tugas-tugas (*job description*) bagi semua pegawai dan kakitangan di bawah Bahagiannya;
5. Mengadakan permuzakarahan / perbincangan dikalangan pegawai dan kakitangan di bawahnya untuk mengenal pasti masalah atau cadangan yang berkaitan dengan bidang kuasa di bawah jagaannya bagi memperbaiki Bahagiannya;
6. Menghadapkan laporan, masalah-masalah atau cadangan-cadangan terutama yang melibatkan dasar dan pembaharuan kepada Pengarah Penjara atau Ketua Bahagian.
7. Menyediakan '*contingency plan*' untuk menghadapi dan menyelesaikan krisis;
8. Merancang dan menentukan keperluan latihan / kursus pegawai-pegawai dan kakitangan di Bahagian masing-masing; dan
9. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara atau pegawai-pegawai atasan yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa;

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan,  
Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti berikut:**

<b>Alamat :</b>	<b>BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, JABATAN PENJARA, KEMENTERIAN HAL EHVAL DALAM NEGERI SIMPANG 1111, KAMPUNG BUKIT PANGGAL, TUTONG, TB1341 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b>
<b>Emel :</b>	<b><a href="mailto:Admin@prisons.gov.bn">Admin@prisons.gov.bn</a></b>
<b>No.Tel :</b>	<b>4240319</b>